

Khalid bertanding Ijok?

Kejayaan selesai masalah hak milik tanah antara faktor penentu

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

IJOK - Teka-teki mengatakan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim akan tetap bertanding di Ijok masih kabur meskipun ada sumber dalam parti yang mengesahkan anak jati Kampung Pasir Tuntung itu akan terus dikedalkan di Dun Ijok.

Ramalan sumber dalam parti PKR yang boleh dipercayai itu turut membayangkan Khalid akan mempertahankan kerusi Dun Ijok memandangkan banyak kejayaan yang dibawanya sepanjang menjadi Adun Ijok termasuk menyelesaikan masalah hak pemilikan tanah yang gagal diselesaikan sejak 30 tahun.

Bagaimanapun Abdul Khalid menjelaskan, tradisi PKR sangat mementingkan disiplin selaras prinsip Pakatan Rakyat dalam menentukan calon di sesebuah kawasan sekali gus menentukan strategi kejayaan dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) akan datang.

Menurutnya, pihaknya bergantung kepada keputusan pucuk pimpinan dan tidak boleh sesuka hati mengumumkan calon meskipun beliau seorang Menteri Besar memandangkan se-



Abdul Khalid (tengah) beramah mesra dengan penduduk ketika hadir merasmikan Majlis Penyampaian Surat Kelulusan dan Borang 5A di Dewan Orang Ramai Seri Harmoni Ijok, semalam.

gala keputusan tertakluk kepada pengumuman rasmi yang akan dibuat oleh presiden parti.

"Pengumuman sebelum masanya hanyalah akan menimbulkan spekulasi dan ini boleh menunjukkan saya seorang yang tidak berdisiplin sehingga boleh dipertikaikan orang lain. Cara

ini juga boleh menyebabkan hilangnya perpaduan dan kepercayaan orang.

"Bagi saya, jawatan atau gelaran wakil rakyat bukannya hadiah tetapi tanggungjawab yang perlu dipikul sehingga ke garis penamat demi rakyat," katanya ketika diminta mengulas cakap-cakap yang menyatakan beli-

au akan terus bertanding di Ijok pada PRU13 kelak.

Abdul Khalid turut menyerahkan segala-segala kepada pucuk pimpinan dan bersedia sekiranya diletakan di mana-mana kerusi yang boleh menguatkan pentadbiran Pakatan Rakyat sekali gus membawa kemenangan sehingga menawan Putrajaya nanti.

"Ada sebab kenapa pucuk pimpinan parti mengambil keputusan untuk meletakkan seseorang calon di kerusi tertentu sebagai contoh, Penasihat DAP Kebangsaan, Lim Kit Siang yang diumumkan secara rasmi bertanding di Parlimen Gelang Patah, Johor pada PRU13 nanti.

"Saya percaya Kit Siang yang juga anak kelahiran Johor itu mampu meraih kemenangan besar di sana dan pastinya membuatkan BN pening untuk meletakkan calon yang benar-benar sesuai untuk bertanding dengan calon DAP itu.

"Cara Pakatan Rakyat yang bijak 'menahan' strategi bagi memberi impak saat akhir mampu menentukan kejayaan PKR, DAP dan Pas, malah kita bersedia menerima sebarang arahan kerana pencalonan seperti itu normal dan boleh diterima semua," katanya.